

Komen Berkenaan Pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga (1994) dari Joint Action Group for Gender Equality (JAG)¹

Joint Action Group for Gender Equality (JAG) mengemukakan cadangan pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga (1994) (AKRT). Walaubagaimanapun, Kanun Keseksaan perlu juga dipinda selaras dengan pindaan yang dilakukan kepada AKRT, dimana kecederaan mental, psikologi dan emosi diambil kira sebagai keganasan rumah tangga. Keganasan Rumah Tangga perlu diiktirafkan sebagai satu jenayah, secara asing. dalam Kanun Keseksaan.

Selain itu, prosedur berkenaan AKRT perlu juga diselaraskan untuk memastikan penguatkuasaan AKRT yang efektif.

Cadangan Pindaan	Komen dari JAG	Rasional
<p>Seksyen 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam takrif “keganasan rumah tangga” memasukkan selepas perkataan “mana-mana” perkataan “satu atau lebih” • Dalam perenggan (d), dengan memotong selepas perkataan “mangsa itu” perkataan “atau” • Dalam perenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bertitik (;) • Memasukkan selepas perenggan (e) perenggan berikut: - (f) mengakibatkan mangsa itu dcederakan dari segi emosi atau 	<p>JAG bersetuju untuk memasukkan perenggan-perenggan (f) dan (g) yang baru. Perenggan-perenggan (a) dan (b) juga perlu</p>	<p>Penderaan emosi dan mental kerap berlaku dalam kes-kes keganasan rumah tangga. Oleh itu, adalah perlu untuk Akta ini melindungi mangsa</p>

¹¹ Joint Action Group for Gender Equality terdiri daripada Women’s Aid Organisation (WAO), All Women’s Action Society (AWAM), Sisters in Islam (SIS), Malaysian Trades Union Congress – Women’s Section (MTUC), Women’s Centre for Change (WCC) and Women’s Development Collective (WDC).

<p>dicedera dari segi mental atau psikologi; atau, (g) menggunakan apa-apa bahan memabukkan atau mengkhayalkan ke atas mangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memasukkan selepas perkataan “oleh seseorang” dengan perkataan “secara sendiri atau melalui pihak ketiga” • Dalam takrif “orang dewasa tak berkeupayaan” memasukkan selepas perkataan “fizikal atau mental” dengan perkataan “sama ada secara kekal atau sementara” dan memasukkan selepas perkataan “keluarga” perkataan “orang yang diadakan melakukan keganasan rumah tangga dan termasuklah mana-mana orang yang dikurung atau ditahan oleh seseorang yang diadakan melakukan keganasan rumah tangga” • Memasukkan selepas takrif “orang dilindungi”, takrif untuk “pegawai kebajikan masyarakat” ertinya mana-mana pegawai kebajikan masyarakat di kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab 	<p>dipinda untuk menambah perkataan “mental, psikologi dan emosi”. Kanun Keseksaan juga perlu dipinda selaras dengan AKRT untuk memastikan keganasan mental, psikologi dan emosi dilingkungi.</p>	<p>keganasan rumah tangga sepenuh-penuhnya dari penderaan sebegini.</p>
--	---	---

<p>bagi perkhidmatan kebajikan dan termasuklah mana-mana penolong pegawai kebajikan masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam takrif “pegawai penguatkuasa” menggantikan perkataan “daripada jabatan kebajikan masyarakat” dengan “perkhidmatan kebajikan masyarakat” • Memasukkan selepas takrif “pegawai penguatkuasa” takrif “pegawai polis” mempunyai erti yang sama seperti dalam akta polis 1967” • Dalam takrif “perintah perlindungan” menggantikan perkataan “Bahagian II” dengan perkataan “seksyen 5” • Memasukkan selepas takrif “perintah perlindungan” takrif “perintah perlindungan interim” ertinya perintah yang dikeluarkan di bawah seksyen 4 • Memasukkan selepas takrif “saudara” takrif “tempat berselindung” ertinya mana-mana tempat yang mana penghuninya atau 	<p>Mengekalkan perkataan-perkataan “Bahagian II” (sila lihat komen di bawah)</p> <p>Mengekalkan takrif asal dimana seksyen ini dibaca “perintah perlindungan dan perintah perlindungan interim yang</p>	<p>Untuk mengelakkan kekeliruan atau ketidaksetaraan jikalau adanya perubahan lain di bawah Bahagian II.</p>
--	---	--

<p>pemilikinya bersedia untuk menerima mangsa itu buat sementara waktu”</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam takrif “tempat selamat” atau “tempat berlindung”:- <ol style="list-style-type: none"> a) memotong perkataan “atau tempat berlindung” dan b) memotong perkataan “atau mana-mana tempat lain yang sesuai yang mana penghuninya bersedia untuk menerima mangsa itu buat sementara waktu” • Memasukkan perkataan “perintah perlindungan interim dan” sebelum perkataan “perintah perlindungan” dalam tajuk Bahagian II 	<p>dikeluarkan di bawah Bahagian II”</p>	
<p>Seksyen 4</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam subseksyen (2)(a) memasukkan selepas perkataan “penyiasatan itu” perkataan “atau apabila sesuatu prosiding jenayah di bawah Kanun Keseksaan yang berkaitan dengan suatu kesalahan yang dilakukan dalam hal keadaan yang termasuk dalam takrif “keganasan rumah tangga” itu dimulakan terhadap tertuduh” 	<p>Walaupun pindaan ini dialukan, JAG berpendapat bahawa Mahkamah masih perlu diberikan kuasa untuk melanjutkan tempoh IPO sehingga PO diberi kepada mangsa untuk memastikan bahawa tidak ada sebarang “gap” antara tempoh IPO dan PO. Pegawai-pegawai Mahkamah mesti dilatih untuk menasihati mangsa untuk memohon untuk PO sebaik sahaja prosiding jenayah bermula di Mahkamah.</p>	<p>Keselamatan mangsa keganasan rumah tangga semasa prosiding jenayah mestilah terjamin pada setiap masa, terutamanya kerana prosiding jenayah boleh mengambil masa yang lama.</p>

<ul style="list-style-type: none"> • Memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen baru iaitu:- (3) mahkamah dalam membuat sesuatu perintah perlindungan interim di bawah subseksyen (1) boleh memasukan peruntukan bahawa orang yang terhadapnya perintah itu dibuat tidak boleh menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan terhadap orang atau orang-orang dilindungi itu. 	<p>Dalam subseksyen baru (3) ganti perkataan “boleh” dengan perkataan “hendaklah” untuk memastikan peruntukan ini dimasukkan dalam semua IPO. IPO hendaklah meliputi semua kelakuan yang dilarang dilakukan oleh tertuduh ke atas mangsa. Selanjutnya, hak penghunian eksklusif untuk mangsa tersebut juga penting diberikan pada peringkat IPO. (Sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk sampel IPO.) IPO perlu dikeluarkan dalam masa yang singkat supaya mangsa tidak perlu tunggu dan terpaksa pulang ke rumah sebelum mendapatkan perintah tersebut. IPO juga mesti boleh dipohon dan dikeluarkan oleh mahkamah sebaik sahaja (atau dalam masa 24 jam selepas) mangsa membuat laporan.</p>	<p>Mangsa keganasan rumah tangga biasanya dihasut oleh keluarga dan kawan yang tertuduh.</p>
<p>Seksyen 6</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam subseksyen (1)(b) memasukkan selepas perkataan “atau daripada memasuki” perkataan “tempat berselindung atau tempat selamat atau” dan memasukkan sebelum perkataan “atau 		

<p>daripada membuat” perkataan “berada atau menghampiri mana-mana orang dilindungi itu”</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam subseksyen 6(1)(d) menggantikan perkataan “bertulis atau telefon” dengan perkataan “melalui apa-apa cara sekalipun” 	<p>Mengekalkan takrif asal yang melarang komunikasi secara bertulis atau telefon, dan mengukuhkan takrif dengan menambah perkataan “melalui apa-apa cara sekalipun”.</p>	
<p>Seksyen 7</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam seksyen 7(1) menggantikan perkataan “boleh” dengan perkataan “hendaklah” • Dalam seksyen 7(2), memasukkan subseksyen baru:- Pegawai polis boleh menangkap tanpa waran apabila: <ul style="list-style-type: none"> (a) menerima aduan bahawa orang itu melakukan keganasan terhadap mangsa yang dilindungi oleh perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan (b) bahawa dia mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu melanggar <ul style="list-style-type: none"> (i) perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 4(1) atau 5(1); atau (ii) mana-mana perintah 	<p>JAG bersetuju dengan pindaan ini. Kuasa tangkapan tanpa waran adalah perlu dalam IPO dan juga PO.</p>	<p>Mangsa memerlukan jaminan bahawa apabila IPO dan PO dilanggar, intervensi boleh berlaku segera iaitu sebaik sahaja polis diberitahu tanpa perlunya mangsa membuat laporan yang lain.</p>

<p>tambahan yang dibuat dibawah perenggan 6(1)(a) atau (b)</p> <p>(c) apabila orang itu memasuki mana-mana tempat yang dilarang di bawah perintah itu.</p>		
<p>Seksyen 10</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam seksyen 10(2)(a) memasukkan selepas perkataan “fizikal atau mental” perkataan “atau psikologi atau emosi” • Memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:- <p>(4) permohonan bagi pampasan di bawah seksyen ini hendaklah dibuat melalui permohonan pemula dan disokong oleh affidavit</p>	<p>Cadangan ini memerlukan pemeriksaan yang lebih rapi. Kami mencadangkan bahawa permohonan untuk pampasan dilakukan melalui “writ of summons” di mana affidavit tidak diperlukan, tetapi ia dinilai melalui “trial evidence”.</p> <p>Mahkamah Majistret mempunyai bidang kuasa untuk mendengari kes tuntutan di bawah RM25,000. Oleh itu, takrif Mahkamah Majistret boleh dipinda supaya ia mempunyai bidang kuasa tidak terhad untuk mendengari kes pampasan. Atau, had untuk pampasan dalam kes ini, yang didengar di Mahkamah Majistret, adalah RM25,000.</p>	<p>Permohonan untuk pampasan tidak harus melibatkan kos, khususnya kos perguaman, kepada mangsa.</p>

<p>Seksyen 11</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam seksyen 11(1) menggantikan perkataan “satu atau kedua-dua perintah berikut” dengan perkataan “perintah bagi merujuk pihak-pihak berkenaan kepada badan pendamai untuk suatu tempoh yang tertentu” dan memotong perenggan (a) dan (b) dalam seksyen 11(1) • Memasukkan selepas seksyen 11(1) subseksyen berikut:- 11(1a) badan pendamai yang mana pihak-pihak berkenaan dirujuk hendaklah mengemukakan laporan berserta dengan syor kepada mahkamah dalam tempoh tidak lebih dari satu bulan dari tarikh tamatnya tempoh rujukan tersebut 11(1b) jika selepas menimbangkan laporan berserta dengan syor badan pendamai yang dikemukakan di bawah subseksyen 11(1a) mahkamah berpuas hati bahawa adalah wajar pihak-pihak yang berkenaan dirujuk untuk mengikuti terapi lanjutan, mahkamah boleh sebagai tambahan kepada perintah di bawah subseksyen (1), membuat perintah terhadap satu atau lebih pihak kepada pertikaian itu untuk 	<p>Kaunseling harus dijadikan wajib untuk parti yang tertuduh melakukan keganasan rumah tangga. Mangsa keganasan rumah tangga boleh memilih untuk menghadiri kaunseling. Mangsa juga tidak harus dipaksa melalui kaunseling bersama-sama dengan parti yang tertuduh melakukan keganasan terhadapnya.</p>	<p>Parti yang melakukan keganasan rumah tangga perlu menjalani terapi atau kaunseling untuk memperbaiki kelakuannya.</p>
---	--	--

<p>mengikuti terapi pemulihan, psikoterapi atau lain-lain kaunseling pendamaian yang sesuai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam seksyen 11(2) menggantikan perkataan “perenggan (1)(a) atau (b)” dengan perkataan “subseksyen (1)” 		
<ul style="list-style-type: none"> • Memasukkan perkataan “perintah perlindungan interim dan” selepas perkataan “prosedur mengenai” dalam tajuk Bahagian IV menjadi perkataan “prosedur mengenai perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan” 		
<p>Seksyen 12</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memasukkan seksyen baru 12(a) “permohonan untuk mendapatkan sesuatu perintah di bawah seksyen 12 hendaklah dibuat melalui permohonan ex-parte oleh seseorang pengadu sama ada secara sendiri atau melalui peguamnya atau pegawai polis dengan kehadiran pangadu sendiri” • Memasukkan seksyen baru 12(b) orang terhadapnya perintah perlindungan interim itu dibuat boleh 	<p>JAG mengalukan cadangan supaya pengadu boleh memohon untuk IPO secara sendiri. Selain daripada peguam dan pegawai polis, pegawai jabatan kebajikan harus dimasukkan sebagai satu pihak yang boleh membantu mangsa untuk memohon IPO. Satu yuran tetap (“fixed fee”) harus ditetapkan untuk peguam yang menolong untuk memohon IPO.</p> <p>Menambah perkataan “boleh” selepas perkataan “memohon untuk”.</p>	<p>Mangsa keganasan rumah tangga tidak harus dibebankan dengan pembayaran kos tinggi untuk mendapatkan perintah perlindungan. Mangsa patut diberi pilihan mengenai cara memohon untuk IPO.</p> <p>Perlu dipastikan bahawa IPO tidak boleh diketepikan secara automatik.</p>

<p>mengenepikan perintah tersebut dalam masa 14 hari selepas perintah tersebut diserahkan</p>		
<p>Seksyen 14</p> <ul style="list-style-type: none"> Ganti seksyen sedia ada dengan seksyen baru “permohonan untuk mendapatkan perintah perlindungan interim itu boleh difailkan dan dikuatkuasakan dalam mana-mana daerah” 	<p>JAG bersetuju dengan cadangan ini. Kami juga mencadangkan bahawa perkataan “dan hendaklah didengar oleh mahkamah dengan seberapa segera yang praktik” yang terkandung dalam seksyen sedia ada dikekalkan, iaitu ditambah kepada penghujung seksyen 13 yang baru di atas.</p>	<p>Mangsa keganasan rumah tangga perlu mendapatkan perlindungan dalam masa secepat mungkin.</p>
<p>Seksyen 15</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggantikan perkataan “aduan” dengan perkataan “permohonan untuk mendapatkan perintah perlindungan interim, permohonan” 		
<p>Seksyen 16</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggantikan perkataan “aduan” dengan perkataan “permohonan” 		
<p>Seksyen 17</p> <ul style="list-style-type: none"> Memasukkan seksyen baru 17(a) sekiranya serahan tidak dapat dibuat selepas tiga kali cubaan pegawai polis berkenaan bolehlah memohon kepada mahkamah untuk suatu perintah penyampaian ganti. 	<p>Seksyen ini tidak menjelaskan cara untuk membuat perintah penyampaian ganti. Cara untuk menyampai perintah ganti mesti cepat dan murah. Oleh itu, cara yang dicadangkan adalah dengan menampal perintah ganti di Mahkamah, atau pada</p>	<p>Perintah penyampaian ganti harus diselaraskan dalam masa secepat mungkin supaya mangsa keganasan mendapat perlindungan.</p>

	alamat terakhir orang yang dituduh. Perkataan “bolehlah” harus diganti dengan perkataan “hendaklah”.	
<p>Seksyen 19</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggantikan perkataan “memfailkan” dengan perkataan “membuat” 	<p>Cadangan pindaan ini tidak mengandungi pembahagian yang jelas antara pegawai penguatkuasa polis dan pegawai penguatkuasa perkhidmatan kebajikan masyarakat.</p> <p>Oleh itu, satu pindaan yang menjelaskan tugas di antara pegawai penguatkuasa yang berbeza diperlukan.</p> <p>Tugas pegawai penguatkuasa haruslah meliputi dengan jelasnya intervensi jika pelaku didapati melanggar IPO / PO semasa mangsa pulang ke kediaman bersama.</p>	<p>Adalah penting untuk menjelaskan dan menyelaraskan tugas-tugas semua pegawai yang berkuatkuasa di bawah Akta ini.</p>

SEKSYEN-SEKSYEN LAIN DALAM AKRT YANG MASIH PERLU DIPINDA

Penambahan kesalahan berjenis “stalking” kepada takrif keganasan rumah tangga

JAG turut mencadangkan bahawa perenggan-perenggan (h) dan (i) yang baru ditambah kepada takrif keganasan rumah tangga selepas perenggan (f) dan (g) baru yang dicadangkan oleh KPWK, iaitu seperti berikut :-

- “(h) mengekori atau menakut-nakutkan mangsa melalui ancaman, komunikasi yang berlarutan, atau cemuhan yang berlarutan atau dengan merendah-rendahkan mangsa atau dengan bentuk penganiayaan psikologikal atau emosi yang lain; atau
- (i) memberi, mengirim, menghantar atau menerbitkan bahan-bahan yang menyakitkan hati atau menghina mangsa.”

Kesalahan-kesalahan bersifat “stalking” sebegini kerap kali berlaku dalam konteks keganasan rumah tangga. Malangnya, oleh kerana seksyen 3 AKRT yang sedia ada menyandarkan peruntukan-peruntukan AKRT kepada peruntukan dalam Kanun Keseksaan, kesalahan sedemikian tidak dapat ditangani samasekali kerana Kanun Keseksaan juga tidak mempunyai sebarang peruntukan berkenaan dengan “stalking”. Oleh itu, kesalahan-kesalahan ini paling kurangnya perlu dimasukkan dalam AKRT.

Perluasan skop mangsa-mangsa keganasan rumah tangga

Walaupun tiada cadangan yang sedemikian daripada KPWK, JAG mencadangkan pindaan-pindaan seperti berikut berkenaan dengan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga :-

“ oleh seseorang terhadap –

- (i) isteri atau suaminya, sama ada de jure atau de facto;
- (ii) bekas isteri atau suaminya;
- (iii) ~~kanak-kanak~~ seorang ahli keluarganya;
- (iv) orang dewasa tak berkeupayaan; ~~atau~~
- (v) ~~mana-mana anggota lain keluarga~~ seorang yang biasanya berkongsi rumah dengannya; atau
- (vi) seorang yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengannya, yang diputuskan dengan mengambil kira bentuk dan keamatan hubungan tersebut, terutama dari sudut
- (aa) tempoh hubungan tersebut;
- (bb) jumlah masa yang dihabiskan bersama;
- (cc) tempat yang masa tersebut biasanya dihabiskan; dan
- (dd) cara masa tersebut biasanya dihabiskan.”

Takrifan “ isteri atau suami” dalam seksyen 2 meliputi yang *de facto*, maka ini perlu juga dimasukkan dalam definisi keganasan rumah tangga.

Anak dan ahli keluarga adalah jelas termasuk dalam kategori mangsa, maka boleh dimasukkan di bawah satu kategori umum “ahli keluarga”.

Walau bagaimanapun, dalam kehidupan hari ini, mangsa boleh jadi orang yang tidak mempunyai hubungan keluarga yang konvensional dengan pesalah tetapi hidup dalam hubungan berbentuk *de facto* keluarga, iaitu dalam satu ruang fizikal yang sama atau mempunyai ekspektasi berbentuk kekeluargaan.

Pemansuhan kehendak sedia ada bagi kelakuan / perbuatan “yang mangsa itu berhak tidak melakukan”

JAG menyeru agar perenggan (c) dalam Seksyen 2 AKRT dipinda dengan memansuhkan perkataan – perkataan berikut:-

“(c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual atau pun selainnya, ~~yang mangsa itu berhak tidak melakukan~~ ;”

Ini adalah kerana perkataan-perkataan “yang mangsa itu berhak tidak melakukan” yang sedia ada memberi implikasi bahawa dalam keadaan tertentu, mangsa tidak berhak menolak sesuatu paksaan atau ancaman yang dikenakan kepadanya termasuk yang bersifat seksual.

Ini sememangnya bertentangan dengan konsep hak manusia untuk hidup bebas daripada kekerasan dan hak manusia untuk membuat keputusan tentang dirinya (“self-determination”).

Seksyen 3 (Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan)

JAG menyeru supaya seksyen ini dimansuhkan samasekali.

Keganasan rumah tangga mestilah diperuntukkan dengan jelas sebagai satu perbuatan jenayah dengan hukumannya yang tersendiri dan tidak disandarkan kepada peruntukan dalam Kanun Keseksaan.

Perbuatan keganasan rumah tangga mestilah dilihat berada di tahap yang sama dengan bentuk kekerasan yang lain yang diperuntukkan sebagai perbuatan jenayah.

Pada masa yang sama, keganasan rumah tangga mesti dilihat sebagai jenayah yang spesifik yang memerlukan peruntukan undang-undang yang mengambil kira dinamik kejadian keganasan rumah tangga yang biasanya menyebabkan kecederaan yang serius, kerap dilakukan (“persistent”) dan merupakan perbuatan

berulang (“repetitive”) yang dilakukan dalam konteks yang terselindung di sebalik perkahwinan.

Peruntukan sedia ada dalam Kanun Keseksaan pula ada kala tidak mencukupi untuk menggambarkan dinamik kekerasan yang digunakan dalam keganasan rumah tangga. Sandaran kepada Kanun Keseksaan tidak mencerminkan ciri-ciri kekerapan dan berulang keganasan rumah tangga dan juga memberi kesukaran untuk menentukan peruntukan Kanun Keseksaan yang sesuai digunakan dalam sesuatu insiden yang dilaporkan.

JAG mengesyorkan bahawa hukuman berikut bagi keganasan jenayah di bawah AKRT:

“penjara sehingga sepuluh tahun atau dengan denda sehingga lima ribu ringgit atatu dengan kedua-duanya dan boleh juga diperintahkan mengikuti program kaunseling yang bersesuaian yang diatur oleh mahkamah.”

Diperuntukkan bahawa tiada apa-apa dalam Akta ini yang menghalang seseorang daripada dituduh di bawah peruntukan Kanun Keseksaan yang berkaitan sebagai ganti kepada dituduh di bawah Akta ini. ”

Sekiranya seksyen 3 tidak dimansuhkan, semua laporan keganasan rumah tangga mesti dikelaskan atau dianggap sebagai laporan kesalahan boleh tangkap di bawah Kanun Keseksaan.

Dalam keadaan demikian, JAG mencadangkan bahawa seksyen 3 ditambah dengan :

“ (1A) Walau apapun peruntukan dalam Akta ini atau dalam Kanun Keseksaan, perbuatan keganasan rumah tangga yang dilaporkan di bawah Kanun Keseksaan mestilah dianggap sebagai laporan satu kesalahan yang boleh ditangkap.”

Seksyen 4 (perintah perlindungan interim atau “IPO”)

Kesan seksyen 4(1) yang sedia ada ialah bahawa jika kesalahan Kanun Keseksaan yang dilaporkan dikelaskan sebagai kesalahan “tidak boleh ditangkap”, polis tidak boleh menjalankan penyiasatan tanpa waran. Dalam keadaan ini, mangsa tidak layak mendapatkan IPO. [Sila lihat item 3 (berkenaan seksyen 3) di atas]

Oleh itu, JAG mencadangkan bahawa seksyen 4 ditambah dengan :-

“ (1A) Dalam mempertimbangkan permohonan satu IPO, mahkamah boleh, di bawah kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 133, Kanun Tatacara Jenayah, mengarahkan penyiasatan terhadap kesalahan yang dilaporkan dan mengeluarkan perintah perlindungan interim berdasarkan arahan tersebut.”

Seksyen 6(4)

Di bawah peruntukan ini, hak penghunian eksklusif mangsa boleh dibatalkan / diubahsuai jika mangsa memperoleh kediaman alternatif.

Mangsa tidak patut diberi beban atau “onus” untuk mencari kediaman alternatif. Jika mangsa ingin terus tinggal di kediaman bersama, perintah penghunian eksklusif mesti menjadi pertimbangan utama.

Oleh itu, seksyen 6(4)(a) dan (b) haruslah dipinda supaya membenarkan mangsa memilih untuk tinggal di kediaman bersama atau mencari kediaman alternatif. Peruntukan perlu dibuat supaya mangsa boleh menuntut hak ini pada bila-bila masa dalam tempoh keganasan. Contohnya, walaupun mangsa telah keluar mendapatkan kediaman alternatif, jika dia bercadang untuk kembali tinggal di kediaman bersama dan keganasan dijangka berlaku lagi, hak penghunian eksklusif mesti dimasukkan dalam PO.

Seksyen 20

Seksyen yang sedia ada ini memperuntukkan bahawa menteri mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Akan tetapi, peraturan berkaitan tidak dibuat.

Oleh itu, peraturan spesifik mengenai permohonan IPO dan PO perlu dibuat supaya ada prosedur seragam bagi setiap permohonan.

Arahan pentadbiran supaya pegawai penguatkuasa tidak cuba “memujuk” mangsa supaya tidak memohon IPO/PO dan supaya pegawai penguatkuasa tidak meminta mangsa mengikut proses kaunseling dalaman (bukan yang ditetapkan oleh Akta) in lieu kepada memohon IPO ataupun sebagai syarat mendapatkan bantuan memohon IPO.

Lampiran 1

Sampel IPO

PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994
(Seksyen 4)

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA
(Borang-borang Ditetapkan 1999)

Di Mahkamah _____ Di

No. Permohonan _____ Tahun _____
No. Laporan Polis _____ di _____

Bahawasanya _____ No. Kad Pengenalan _____ telah dibawa ke hadapan Mahkamah dan BAHAWASANYA Mahkamah, setelah membaca permohonan dan berpuashati bahawa suatu Perintah Perlindungan Interim, di bawah Seksyen 4(1) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 diperlukan sementara menunggu penyiasatan berhubung dengan perlakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumahtangga yang telah dilakukan terhadapnya.

MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa _____ No. Kad Pengenalan _____ beralamat _____ (no Telefon) _____ dilarang daripada melakukan keganasan rumahtangga terhadap orang yang dilindungi iaitu _____ sama ada melalui diri sendiri atau orang lain. Berikut adalah antara perlakuan yang dilarang tetapi tidak terhad kepada yang disenaraikan di bawah sahaja:

- 1) Menghampiri pemohon dan juga ahli-ahli keluarga terdekat pemohon dalam jarak _____ meter
- 2) Mengancam atau mengugut melalui perlakuan atau kata-kata (termasuk melalui telefon) dengan tujuan menakutkan atau menyebabkan kerosakan serius terhadap diri pemohon atau harta
- 3) Dengan sengaja, berniat atau bertujuan untuk mengakibatkan kecederaan fizikal
- 4) Dengan sengaja menyebabkan pemohon perintah perlindungan atau ahli-ahli keluarga terdekat pemohon dalam keadaan kebimbangan dan ketakutan kecederaan fizikal yang mungkin berlaku
- 5) Menyentuh dengan sengaja bertujuan untuk mencederakan, menghina atau menyakitkan hati

- 6) Masuk tanpa kebenaran ke rumah pemohon beralamat di _____ atau rumah ahli keluarga terdekat pemohon yang beralamat _____
- 7) Dengan sengaja menghalang atau menahan pemohon atau ahli-ahli keluarga terdekat pemohon
- 8) Dengan sengaja masuk ke dalam sebarang harta kepunyaan pemohon dan ahli-ahli keluarga terdekat dan berada di sana, tanpa kebenaran pemohon atau ahli-ahli keluarga terdekat
- 9) Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan ke atas harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesediahn atau kegusaran kepada pemohon
- 10) Mengganggu keamanan pemohon atau ahli-ahli keluarga terdekat pemohon dengan mengambil bahagian dalam pergaduhan, kelakuan ganas atau bersifat merosakkan harta benda atau menyebabkan bunyi bising yang keterlaluan
- 11) Menggunakan bahasa kasar atau menggosok atau berisyarat dalam gaya yang mungkin merangsangkan tindakbalas fizikal yang serta-merta
- 12) Memaksa pemohon perintah perlindungan itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan berbentuk seksual atau selainnya yang pemohon berhak tidak melakukannya

PERINGATAN:

ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa seorang pegawai penguatkuasa yang adalah juga pegawai polis dibenarkan menangkap tanpa waran orang yang terhadapnya perintah itu dibuat menurut peruntukan Seksyen 7 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 sekiranya didapati sengaja melanggar Perintah Perlindungan Sementara.

Diberi di bawah kuasa dan meterai Mahkamah pada __haribulan__ Tahun _____

Majistret Pendaftar

Mahkamah Majistret
Kuala Lumpur
ENDORSMEN

Saya Penghantar

Saman

Balai Polis telah menyampaikan sesalinan Perintah Perlindungan Interim bertarikh kepada dan telah memberi penjelasan tentang perlakuan yang dilarang sepertimana dinyatakan dalam lampiran terhadap orang yang dilindungi

Pada.....haribulan.....Tahun.....

.....
Tandatangan Penghantar Saman

Saya, _____ No. Kad Pengenalan _____ mengakui
bahawa perintah perlindungan telah diterima dan difahami.

.....
Tandatangan penerima